



YPDR. 10/4/5/1 Jld.3 (7)

12hb. Januari 2021

KENYATAAN MEDIA

OLEH
YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

URUSAN PARLIMEN DALAM TEMPOH KUATKUASA PROKLAMASI DARURAT

Parlimen Malaysia mengambil maklum pengisytiharan darurat oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong pada hari ini dan juga ucapan YAB Perdana Menteri mengenainya selepas pengisytiharan tersebut.

Diperhatikan bahawa melalui ucapan YAB Perdana Menteri, dikatakan antara lainnya bahawa **semua sesi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri digantung sepanjang tempoh darurat.**

Ini bermakna hanya proses perundangan Dewan Rakyat tidak dapat dilaksanakan sepanjang tempoh darurat. Namun demikian, kedudukan dan tanggungjawab semua Ahli Parlimen sebagai wakil rakyat tetap sama seperti sediakala dan berterusan kerana penggantungan sesi Parlimen bukanlah bererti Parlimen telah dibubarkan.

Oleh yang demikian, **semua aktiviti apa-apa Kaukus atau Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (All Party Parliamentary Group) serta semua Jawatankuasa Pilihan Khas** yang telah ditubuhkan masih boleh diteruskan kecuali aktiviti-aktiviti tersebut dikekang oleh apa-apa Ordinan yang boleh digubal oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong mengikut kuasa-kuasa Baginda di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Parlimen Malaysia juga perhatikan bahawa satu **Jawatankuasa Bebas** yang dianggotai antara lainnya oleh **Ahli-ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang** yang akan mengesyorkan kepada Baginda Yang di-Pertuan Agong mengenai tempoh darurat akan ditubuhkan.

Melalui Jawatankuasa Bebas tersebut serta juga Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas, Parlimen Malaysia akan terus **menjalankan fungsinya di dalam proses semak dan imbang sebagai institusi unggul badan perundangan negara.**

Parlimen Malaysia akan menunggu Ordinan Darurat yang akan digubal oleh Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sekian, terima kasih.

DATUK AZHAR AZIZAN HARUN